

KAMUS
Istilah & Loghat
SAYONG

Terbitan
CUCUCICITHAJITAIB

EDISI PERCUBAAN !

INDEKS

| ABJAD AWALAN | MUKA SURAT |
|-----------------------|-------------------|
| A | 5 |
| B | 5 |
| C | 6 |
| D | 6 |
| E | - |
| F | - |
| G | 7 |
| H | 7 |
| I | 8 |
| J | 8 |
| K | 9 |
| L | 10 |
| M | 11 |
| N | 11 |
| O | - |
| P | 12 |
| Q | - |
| R | 12 |
| S | 13 |
| T | 14 |
| U | - |
| W | - |
| X | - |
| Y | 14 |
| Z | - |
| HALAMAN PENAJA | 15 |



PRAKATA DARI PENYUSUN



السلام عليكم ورحمة الله

Ilham dan kemahuan untuk menghasilkan eKamus ini tercetus dan bermula di Ruang Diskusi Loghat Sayong, di Rumpun Keluarga Haji Taib Online. Topik Loghat Sayong telah dimulakan oleh saudara Affandi Yusuf.

Maka saya mencadangkan agar segala istilah yang telah di'gali' semula itu seeloknya didokumentasikan di dalam bentuk yang lebih tersusun. Mudah-mudahan ianya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk generasi mendatang, khususnya cucu-cicit anak-anak Sayong.

Untuk menjadikan suatu impian menjadi kenyataan, satu langkah haruslah bermula. Kalau tidak, resolusi hanya tinggal resolusi di medan diskusi. Oleh kerana saya sendiri yang mencetuskan usaha ini, maka langkah pertama seharusnya bermula dari diri saya sendiri. Lalu dengan sedikit pengalaman, sedikit pengetahuan, dan selebihnya adalah dorongan kemahuan, maka saya mula mengumpulkan istilah-istilah yang popular di kalangan masyarakat Sayong. Ada yang datangnya dari diri sendiri, dan ada juga yang saya kutip dari ruangan Diskusi Loghat Sayong, dan di ruangan sembang yang lainnya di Geni.

Edisi ini saya namakan sebagai **Edisi Percubaan**. Ianya seumpama prototaip sahaja. Sebagai bahan contoh, untuk suatu penghasilan yang lebih baik dan bermutu. Ini kerana ianya dihasilkan secara bersendirian. Tentulah banyak kelemahannya jika hendak dibandingkan kerja-kerja yang dilakukan secara berpasuk dan berjemaah. Mungkin juga ada istilah yang telah ditafsirkan secara tidak tepat, dan perlu diperbetulkan kembali.

Saya bukanlah seorang pakar bahasa. Apa yang terhasil tidaklah sampai ke tahap profesional. Anggaphlah usaha awal ini sekadar untuk suka-suka sahaja, sebagai muqaddimah kepada satu usaha yang lebih besar dan terperinci. Usaha ini meskipun kecil, namun adalah diharapkan ianya menjadi satu rakaman khazanah berharga yang sesetengahnya sudah mula kian luput ditelan zaman, bersama perginya generasi lama.

Yang dhaif lagi hina,

Khairil Anizan Alang Bee
(KA'AB)

Kepada Allah Aku Berserah...

NOTA

Sistem ejaan

Kamus Istilah & Loghat Sayong ini sememangnya tidak mengikut sistem ejaan Bahasa Melayu Baku seperti yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bukan bertujuan untuk merosak atau mencemarkan bahasa, tetapi adalah untuk mengekalkan keaslian dan keunikan istilah tersebut mengikut dialek Sayong. Lagi pula, tidak semua istilah-istilah dari daerah Sayong ini telah terarkib di dalam Kamus Dewan. Maka kerana itu, terpaksaalah pehak penyusun melakukan inisiatif sendiri didalam mewujudkan ejaan tersebut.

Panduan penggunaan huruf ‘E’

Loghat Sayong sangat akrab dengan penggunaan huruf vokal ‘E’. Di dalam tulisan rumi Bahasa Melayu, huruf ‘E’ mempunyai dua fungsi sebutan. Menurut Kamus Dewan terbitan DBP, kedua-dua huruf ‘E’ tersebut diistilahkan sebagai E TALING dan E PEPET.

Untuk memudahkan pemahaman, berikut adalah dua contoh perkataan yang biasa didengar/disebut, yang mengandungi huruf-huruf tersebut :

KERETA
MERKA

E = adalah E PEPET

E = adalah E TALING

Sebagai panduan, khususnya untuk mereka yang tidak biasa dengan loghat Sayong, di dalam kamus ini, huruf *e taling* akan ditandai dengan baris dibawah huruf tersebut (e), sementara huruf *e pepet* tidak mempunyai sebarang tanda. Mudah-mudahan, cara ini akan dapat membantu anda menyebut sesuatu perkataan atau istilah dengan slanga Sayong yang sebenarnya.

Jumlah Istilah

Jumlah istilah yang telah terkumpul dan cuba ditafsirkan di dalam kamus ini ialah sebanyak 140 perkataan.

A

| | |
|-------------------|--|
| ADAN | Penghadang yang diletakkan pada pintu rumah, untuk menghalang dari anak kecil melepasinya. |
| ANGAT PIJO | Kepanasan yang bersangatan (Biasanya berkenaan suhu badan) |
| ATE | Kata sendi yang dimaksud; Jadi, jadinya, kalau begitu, atau yang seumpamanya. |
| AWAK | Saya |
| AYAN | Jenis bekas berkeluli bercat. Contoh : Pinggan ayan. |
| AYO | Air |

B

| | |
|-------------------|--|
| BAH | Banjir |
| BAJU PERAK | Kemeja T (<i>T-shirt</i>) |
| BALUN | Pukul, bantai |
| BARUH / | Arah yang menghala ke kawasan tanah rendah / sungai. |
| BAGHUH | |
| BEDEAH | Berbohong |
| BELAT | Kaedah menangkap ikan menggunakan daun pucuk Kabung |
| BOLIN | Berbogel |
| BUBU | Alat untuk menjerat ikan yang diperbuat dari buluh dan rotan, serta mempunyai injap. |

C

| | |
|-----------------|--|
| CACO | Kekalutan dan ketidaktentuan pada perbuatan kerana tidak dapat fokus, akibat dari kecelaruan dan ketergangguan fikiran. |
| CAKCIBO | Pepatung (binatang) |
| CE | Cuba |
| CEKAP | Sejenis alat yang diperbuat daripada bilah buluh yang dianyam jarang, berbentuk separuh bulat. Digunakan untuk melindungi ibu ayam dan anak-anaknya yang masih kecil. Juga digunakan untuk memisahkan ibu dan anak-anak ayam ketika memberi makan. |
| CEKUH | Sentuh, pegang. |
| CEME | Keadaan mata yang tidak celik dengan selesa kerana kurang tidur, atau memang semulajadinya begitu. |
| CENANGO | Sejenis serangga, yang biasanya terdapat dibendang dan menjadi musuh tanaman padi. Berbau kesin. |
| CICO | Cicir |
| COBAK | MENCOBAK. Mencurahkan (Berkenaan air) |
| CUAK (1) | Takut, cemas, gentar. |
| CUAK (2) | Siram, simbah. |
| CUPOI | Berada pada kedudukan yang terlalu tepi/pinggir, berhampiran dengan penghujung sisi. |

D

| | |
|---------------------------|---|
| DABE | Dompot |
| DANGO | Pondok |
| DARAT / DAGHAT | Arah yang menghalu ke kawasan tanah tinggi / bukit |
| DEDO | Panas badan seperti rasa hendak demam. |
| DEME | Mereka |
| DOKOK | Sejenis kuih yang diperbuat dari tepung pulut, berintikan kelapa manis, dibalut dengan daun pisang dan dimasak secara kukus. Rasanya adalah seumpama Kuih Koci. Perbezaannya hanya pada bentuk bungkusan. |

G

GEBO
GERO /
GEGHO

Kain selimut.

Alat bunyian untuk menghalau binatang perosak seperti tupai dsb. Sebatang buluh yang panjang, dihujungnya diikatkan segugus tin-tin kosong, dan di sandarkan pada pokok buah-buahan (biasanya pokok durian). Batang buluh ini apabila digoncangkan, akan menghasilkan bunyi yang boleh menakutkan binatang perosak.

GETIK
GOBEK
GOMBOI

Benci, tidak suka, menyampah.

Alat untuk melumatkan sirih pinang.

Bahagian yang terdapat di dalam buah kelapa yang sudah tua, dan sudah bercambah.

GUBAH
GULA
KABUNG
GULIN
PEGHIN

Istilah khusus orang tua-tua Sayong untuk masakan Pajeri Terung.

Gula yang diperbuat dari nira pokok Kabung (Pokok Enau)

Beguling-guling, menggelupur.

H

HEBAT

Istilah khusus orang tua-tua Sayong untuk pulut kuning (berserta lauknya) yang dibungkus dengan daun pisang.

I

IJUK
INGKE

Serat yang membaluti batang Pokok Kabung (Pokok Enau)
Seronok

J

JABOI
JELEBO
JOBE
JOBIN
JONGO
JOREN /
JOGHEN

Bekas berbentuk karung didalam saiz yang kecil.
Labi-labi
Terkam
Bentuk cuping telinga yang agak panjang. Capang.
Menjelir lidah kepada seseorang
Bentuk yang meruncing atau menirus di penghunjunnya.

K

| | |
|---------------------|---|
| KABUNG | Pokok Kabung = Pokok Enau. |
| KANJE | Malu alah, dan tersipu-sipu. |
| KANJI | Bubur nasi. Bubur lambuk. |
| KANTO | Buah Kanto = Buah Enau. Buah dari pokok kabung. |
| KE | Bekas penyukat beras. Lebih kecil dari cupak. Biasanya diperbuat dari tempurung kelapa. |
| KECOR | Sejenis siput yang hidup di lumpur bendang. |
| KEME | Kami |
| KIRO / KIGHO | Warna kuning keperangan pada buah, yang menandakan status antara muda dan masak/matang. |
| KOBEK | Korek |
| KOLAP | Ter <u>kolap</u> = terseliuh. |
| KOME | Kamu semua (ramai) |
| KOMEK | Sedikit |
| KOMPANG | Keadaan yang berlubang. |
| KONTONG | Tempat meletakkan pelita supaya apinya tidak terpadam ketika dibawa berjalan. |
| KOPEK | Buah dada, payudara. |
| KUDAP | Kuih-muih, makanan ringan. |
| KUTE | Tua, lama |

L

| | |
|--------------------|--|
| LABUN | Ber <u>labun</u> = berseimbang |
| LECAH | Lumpur |
| LEHE | Leka |
| LEHO | Waktu Zohor |
| LEKEH | Mengetuk kepala orang dengan buku lima. |
| LEKOR | Alas periuk. Secara tradisionalnya diperbuat dari anyaman lidi kelapa atau rotan. |
| LEMBANG | (Melembang) Bersepah-sepah. |
| LENGE / | Bijan. Minyak <u>lenga</u> = Minyak bijan. |
| LENGA | |
| LENGGUK | BERLENGGUK @ MELENGGUK. Sejenis tarian tradisional orang-orang Sayong terdahulu. Hanya ditarikan oleh orang lelaki. Tidak diketahui asal usulnya. |
| LENJUN | Basah kuyup |
| LEPAT | Sejenis kuih tradisional yang diperbuat dari parutan ubi kayu, dibungkus dengan daun pisang dan dimasak secara kukus. Orang tua-tua Sayong memberikan istilah khusus untuk kuih ini dengan nama 'LEPAT', sementara 'PAIH' untuk kuih yang berasaskan pisang. |
| LEPE | Tidar sedar, leka, lalai, alpa. |
| LIBANG LIBU | Keadaan hati yang tidak tenteram. |
| LINTOR | Petir. Halilintar. |
| LOPEH | Sejenis kuih tradisional yang diperbuat dari pulut yang ditanak, biasanya diwarnakan hijau. Dibungkus pula dengan daun pisang berbentuk silinder. Dihidangkan dengan parutan kelapa dan air gula kabung. |
| LOTAH | BERLOTAH. Aktiviti menginjak padi yang telah dituai (untuk mengasingkan padi dari tangkainya) secara beramai-ramai dan diiringi dengan acara berbalas pantun. |
| LOTIN | Badan yang bersalut lumpur atau selut. |
| LUKU | Mengetuk kepala orang dengan buku lima. |
| LUNGAP | Kuat makan |

M

| | |
|-----------------|---|
| MABUN | Keadaan debu yang berterbangan atau berjerebu. |
| MACUN | Tiada langsung. Tidak kelihatan (berkenaan benda). |
| MENIA | Buah Menia / Pokok Menia = Buah Kundang / Pokok Kundang |
| MENTELUN | Seluar panjang. (Bahasa Inggeris: panthaloan) |
| METE | Pegun. Tidak bergerak. Terpaku. Contoh keadaan : Gasing yang berpusing ligat, sehinggakan kelihatan tidak bergerak. |
| MIKE | Kamu, awak. |
| MOH | Jom ! |
| MONCAH | Mewah |

N

| | |
|-----------------|---|
| NGELITIN | Bergetar, bergoyang-goyang. |
| NGOMBIN | Berganjak. Tak ngombin = Tak berganjak. |
| NGUIT | Bergerak. |
| NOHEN | Buat selamba. |
| NYAMPANG | Nyaris. Bernasib baik. |
| NYIKIO | Aktiviti kesenian vokal tradisional orang-orang Sayong terdahulu. Seperti Marhaban, tidak diiringi dengan bunyian muzik. Istilah Nyikio juga digunakan di dalam permainann rebana (kompang) |
| NYONGEN | Tersengih sehingga menampakkan gigi. |
| NYOR | Kelapa. Buah Nyor = Bua Kelapa. Pokok Nyor = Pokok Kelapa. |
| NYOYAH | Tersiat, terkopek. |

P

| | |
|-----------------|--|
| PAH | Opah, nenek |
| PAIH | Sejenis kuih tradisional yang diperbuat dari adunan pisang dan tepung, berintikan kelapa bergaram, dibalut dengan daun pisang dan di masak secara kukus. Orang tua-tua Sayong mengkhususkan nama 'PAIH' untuk kuih yang berasaskan pisang ini, sementara "LEPAT" untuk kuih berasaskan ubi kayu. |
| PAJERI | Sejenis masakan gulai berempah yang menggunakan nenas sebagai bahan utama. Jika Nenas digantikan dengan Terung, maka nama masakan tersebut akan dipanggil 'GUBAH'. |
| PANJUT | Pelita-pelita yang dipasang menghiasi dan menerangi halaman dan sekeliling rumah, sempena menyambut malam 27 Ramadhan. |
| PELUPUH | Memukul secara bersungguh-sungguh (pada orang atau binatang) dengan niat mencederakan atau membunuh. |
| PENGANAN | Kuih-muih |
| POKAT | Gam. Biasanya (secara tradisional) diperbuat dari tepung ubi kayu yang dibancuh dengan air panas. |

R

| | |
|-------------------------------|--|
| REGEH | Lidi dari daun kelapa. Penyapu REGEH : Penyapu lidi. |
| REMPIT | Merempit : Perbuatan memukul seseorang dengan rotan. |
| RONGGAH / GHONGGAH | Punggah. |

S

| | |
|-----------------------|---|
| SADIN | Selamba |
| SAMO | Warna merah jambu (pink) |
| SANGE | Tudung saji yang diperbuat dari daun mengkuang. |
| SE<u>G</u>ONG | Menanduk. |
| SE<u>L</u>AIT | Lampu suluh (Bahasa Inggeris : <i>Torch Light</i>) |
| SE<u>M</u>BE | Pasir |
| SE<u>M</u>ET | Simen. |
| SE<u>M</u>IAK | Sihat. Tak semiak : Tidak sihat. |
| SE<u>N</u>AYAN | Hari Isnin |
| SE<u>N</u>IE | Sejenis tumbuhan yang getahnya digunakan untuk menahan darah luka. |
| SIA | Bekas makanan bertingkat, diperbuat dari keluli. |
| SIG<u>E</u> | Tangga panjang yang dibuat dari sebatang buluh besar, digunakan untuk memanjat pokok yang tinggi. |
| SIOR / SIYOR | Sudi. Tak sior : Tidak sudi. |
| SOGHEH | Bercerita, bertanya atau berbincang mengenai salasilah keturunan keluarga. |
| SOH | Senyap sunyi. |

T

| | |
|---------------------------|---|
| TAUT | Alat atau kaedah menangkap ikan menggunakan mata kail. Batang taut dipacakkan di pinggir air paya, sungai atau seumpamanya. |
| TEMAN | Saya |
| TEMBI | Menyiku |
| TENGI | Bau yang tidak enak pada makanan yang sudah lama terbiar. |
| TENGIN | Bodoh |
| TEPEK | Kuih lempeng |
| TINJO | Tinggi (Untuk manusia) |
| TOGHAK (1) | Sejenis kuih yang diperbuat dari tepung gandum, dibungkus dengan daun pisang (berbentuk silinder) dan dimasak secara kukus. |
| TOGHAK (2) | Temberang. |
| TOREK / TOGHEK | Berleter atau membebel kerana marah. |
| TUMPO | Mati |
| TUWO | Sejenis alat menjerat ikan yang diperbuat dari buluh dan rotan atau akar. |

Y

| | |
|---------------|--------------------------------------|
| YANGAT | Minuman panas seperti teh atau kopi. |
|---------------|--------------------------------------|

HALAMAN PENAJA

(Sila klik pada nama laman web untuk mendapatkan maklumat lanjut)



KEDAI SIBERNEKA



SABUN TANAH LIAT



PENAWAR ZAHIR BATIN



DUNIA SERAMIK



BUKUSIBER2U



BLOG KEDAISIBERNEKA